

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]

**TARIKH :** 5.4.2017

**SOALAN :**

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca kemerosotan prestasi UPSR 2016 serta langkah-langkah Kementerian menangani permasalahan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa prestasi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2016 tidak boleh dibandingkan dengan UPSR tahun 2015 kerana kedua-duanya berbeza dari segi format. Perbezaan format ini sejajar dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan melengkapi pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di samping pembudayaan unsur-unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KPM sentiasa mengambil langkah mengenal pasti punca kelemahan dalam pelaksanaan sesuatu program dan berusaha membaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kelas serta meningkatkan motivasi murid agar mereka lebih gigih berusaha meningkatkan pencapaian mereka.